

SIARAN MEDIA

ISTANA BUDAYA MERIAHKAN MALAM MINGGU LAMAN SANTAI SENI BUDAYA PESONA MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 29 Ogos 2026 – Istana Budaya kembali memeriahkan suasana hujung minggu di ibu kota Kuala Lumpur dengan penganjuran program berkonsepkan santai mesra keluarga iaitu **Laman Santai Seni Budaya: Pesona Malaysia** selama dua (2) hari iaitu 28 Ogos 2026 (Jumaat) dan 29 Ogos 2026 (Sabtu) bertempat di Laman Beringin, Istana Budaya bermula pukul 2.00 petang hingga 11.00 malam.

Pada Program Laman Santai Seni Budaya: 2 Dekad yang diadakan pada 4 Julai 2026 yang lalu lebih memberi tumpuan kepada meraikan kewujudan program tersebut selama hampir dua dekad. Mengangkat konsep santai, terbuka dan mesra masyarakat, program ini menghimpunkan pelbagai genre seni persembahan merangkumi muzik, nyanyian, tarian kebudayaan, persembahan artis tempatan serta sesi interaktif bagi memberikan pengalaman yang lebih banyak kepada pengunjung.

Menurut Encik Johan Cruyff @ Md Nordin, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Istana Budaya, “Penganjuran Laman Santai ini merupakan pendekatan Istana Budaya untuk mendekatkan seni dan budaya kepada masyarakat menerusi program yang santai dan terbuka.”

“Kita mahu masyarakat melihat seni sebagai sebahagian daripada kehidupan, bukan sesuatu yang jauh atau eksklusif. Melalui Laman Santai ini, pengunjung bukan sahaja dapat bersantai dan menikmati persembahan, malah berpeluang mengenali, menghargai dan turut serta dalam pelbagai aktiviti seni dan budaya. Kepelbagaian pengisian seperti tarian tradisional, muzik, nyanyian, persembahan artis popular serta aktiviti interaktif mencerminkan kekayaan seni Malaysia yang boleh dinikmati oleh semua lapisan masyarakat” katanya.

Malam pembukaan pada 28 Ogos 2026 akan menampilkan rangkaian persembahan yang menggabungkan artis jemputan dan Artis Tari Istana Budaya (ARTISTANA). Antara nama-nama besar yang bakal menghangatkan pentas utama ialah **Safura, Nizam Laksamana, Shima, Elly Ax'I's, Acong, Joey BPR, Zamani Slam** dan **Ameng Spring**. Pasti akan menyuntik elemen nostalgia buat pengunjung selain penglibatan ARTISTANA dan Kombo D'Aswa.

Segmen tribute artis 90-an merupakan tema tarikan yang dipilih untuk pengunjung kembali menghayati nostalgia kegemilangan muzik era tersebut menerusi persembahan secara langsung. Malam tersebut turut diserikan dengan tarian pembukaan, muzik dan nyanyian, Joget Malaysia serta persembahan khas bersempena *Visit Malaysia Year 2026* (VM2026) oleh ARTISTANA.

Pada 29 Ogos 2026 (Sabtu) pula kemeriahan bermula seawal 2.30 petang dengan pelbagai aktiviti yang sesuai untuk pengunjung dan pelbagai peringkat umur. Hari Sabtu yang cukup istimewa ini menggabungkan seni budaya juga semangat kemerdekaan seiring dengan sambutan Hari Kebangsaan Hari Malaysia yang ke-69 pada 31 Ogos 2026.

Antara pengisian yang disediakan sepanjang petang Sabtu ialah tarian kebudayaan pelbagai kaum, demonstrasi pembuatan tanjak, persembahan *fusion band* oleh Orkestra Tradisional Malaysia (OTM), persembahan oleh Orkestra Simfoni Kebangsaan (OSK) Wind Quintet dan Pertandingan Busana Kemerdekaan anjuran Kelab Kebajikan dan Rekreasi Istana Budaya (Kelab KERIS). Pertandingan Busana Kemerdekaan ini diadakan bagi memberi peluang kepada pengunjung untuk menampilkan kreativiti dan gaya tersendiri menerusi busana bertemakan semangat patriotik. Persembahan Tarian Interaktif Kebudayaan oleh ARTISTANA pula memberi peluang untuk pengunjung turut serta berhibur dan merasai sendiri pengalaman seni serta budaya secara lebih dekat dan santai.

Laman Santai turut menyediakan program berbentuk senam kesihatan secara terbuka dan santai iaitu *"Where Art Meets Wellness with Atilia Haron"* pada 5.00 petang (Sabtu) anjuran Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) cawangan kecil Istana Budaya.

Kemeriahan diteruskan pada malam kemuncak Laman Santai 29 Ogos 2026 (Sabtu) bermula pukul 8.30 malam dengan persembahan yang menampilkan barisan artis

tempatan terkenal termasuk **Roy, Ayen, Aris Ariwatan, Shamini Shradha, Shengkwang, Noraniza Idris** dan **Hussain**. Selain itu, sudah semestinya persembahan diserikan lagi dengan kehadiran ARTISTANA dan Kombo D'Aswa.

Segmen Chit Chat Santai bersama Ayen turut membawa kelainan kepada program ini dengan pendekatan interaktif bersama pengunjung dan bersahaja. Manakala persembahan Joget Malaysia oleh ARTISTANA menghidupkan suasana dengan penekanan elemen tarian dan budaya tempatan.

Sebagai segmen kemuncak, Roy yang terkenal dengan lagu-lagu patriotik menampilkan persembahan istimewa iaitu nyanyian lagu Malaysiaku Gemilang yang merupakan lagu tema Hari Kebangsaan ke-50 (2007) bersama barisan artis lain dalam usaha menyemarakkan lagi sambutan Hari Kemerdekaan Malaysia sebelum persembahan penutup oleh persembahan ARTISTANA menerusi segmen VM2026.

Penganjuran program ini turut membuka peluang ekonomi kepada usahawan kecil dan pengusaha *food truck* tempatan dengan penglibatan sebanyak sembilan (9) buah *food truck* yang menyediakan pelbagai variasi makanan dan minuman sepanjang dua (2) hari program berlangsung seperti Poksu Keropok Leko, Nasi Ayam Goreng Kunyit, aneka air balang dan Pai Tee, pemanis buah-buahan, Laksa, Nasi Goreng, Bakso, Murtabak, Aiskrim, Tauhu Bergedil, *Vietnamese Spring Roll*, Nasi Berlauk, *Coney Dog* dan banyak lagi.

Selain itu juga, orang ramai berpeluang untuk mendapatkan khidmat urutan oleh Team V Touch VIP bagi memberikan kelegaan kepada para pengunjung yang singgah lobi bangunan panggung Istana Budaya.

Pihak Istana Budaya menyediakan sebanyak 50 unit kerusi berpayung serta 200 buah kerusi demi keselesaan orang ramai. Walau bagaimanapun, selaras dengan konsep 'santai dan santun', para pengunjung amat digalakkan untuk membawa kerusi *healing* sendiri dari rumah.

###

Unit Perhubungan Awam
ISTANA BUDAYA

Tel: 03-4026 5555 Fax: 03-4025 5975

Website: www.istanabudaya.gov.my E-mel: info@istanabudaya.gov.my

Facebook, Instagram: [@istanabudaya](#) & TikTok: [@istanabudayaofficial](#)